From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PELAJAR KOMUNIKASI SMMTC DALAMI PERANAN KEDUTAAN MALAYSIA DI BANGKOK
Date: Sunday, 20 September, 2026 10:45:10 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

20 SEPTEMBER 2026 / 8 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Nur Atikah Hasril

PELAJAR KOMUNIKASI SMMTC DALAMI PERANAN KEDUTAAN MALAYSIA DI BANGKOK



UUM ONLINE: Bangkok - Seramai 10 pelajar Komunikasi, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) memperoleh pendedahan mengenai fungsi diplomatik dan peranan perwakilan negara menerusi sesi dialog bersama Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok sempena program *Global Academic and Volunteer Trips: Thailand 2026* (GO-THAI'26).

Sesi dialog yang diketuai Timbalan Ketua Misi, Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok, Ahmad Phadil Mohamed Ismail yang memfokuskan peranan kedutaan dalam menjaga kepentingan negara dan kebajikan rakyat Malaysia di luar negara, selain menjadi penghubung dalam memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand.

Ahmad Phadil berkata, fungsi sesebuah kedutaan tidak hanya tertumpu kepada urusan konsular atau membantu rakyat Malaysia ketika berhadapan kecemasan, sebaliknya turut merangkumi aspek diplomasi serta hubungan dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan kebudayaan.

Beliau turut menyeru pelajar universiti yang melaksanakan program mobiliti dan aktiviti di luar negara agar mengambil peluang mengadakan lawatan ke Kedutaan Malaysia di negara yang dikunjungi.



“Lawatan ke kedutaan dapat memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar mengenai fungsi dan peranan perwakilan Malaysia di luar negara, selain membantu mereka memahami bagaimana hubungan antara Malaysia dengan negara berkenaan diperkukuhkan melalui saluran diplomatik,” katanya.

Dalam sesi tersebut, delegasi GO-THAI’26 turut diberikan penerangan mengenai aspek keselamatan rakyat Malaysia ketika berada di luar negara termasuk kepentingan mendaftarkan keberadaan melalui e-Konsular serta memuat turun aplikasi *MyWorldAlert* bagi memperoleh maklumat dan amaran keselamatan semasa berada di negara asing.

Sementara itu, Pensyarah Pengiring GO-THAI’26, Dr. Mohd Zuwairi Mat Saad berkata, pendedahan tersebut penting khususnya kepada pelajar bidang komunikasi kerana membolehkan mereka memahami fungsi komunikasi dalam konteks diplomasi dan hubungan antarabangsa melalui pengalaman sebenar di lapangan.

Menurutnya, program mobiliti antarabangsa seperti GO-THAI’26 bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar meneroka budaya, industri dan persekitaran pembelajaran di negara lain, malah membuka ruang untuk mereka mengenal pasti peluang pembangunan kerjaya pada masa hadapan.



“Program ini membantu pelajar memahami persekitaran komunikasi dan profesional dalam konteks antarabangsa. Pada masa yang sama, mereka dapat meneroka peluang untuk menjalani latihan industri di luar negara, khususnya di Thailand, sekali gus memperluas pengalaman dan jaringan profesional mereka,” katanya.

GO-THAI’26 yang berlangsung dari 15 hingga 26 September 2026 diketuai Pengarah Program, Nur Atikah Hasril dengan kerjasama SMMTC dan Persatuan Komunikasi (PERKOM) UUM.

Program mobiliti antarabangsa itu menggabungkan elemen akademik, industri, kesukarelawanan, jaringan antarabangsa dan pembelajaran silang budaya bagi memberi pengalaman pembelajaran di luar bilik kuliah kepada peserta.

Sepanjang program, delegasi dijadual mengadakan lawatan ke dua organisasi media utama di Thailand bagi mendapatkan

pendedahan mengenai operasi serta perkembangan industri media dan penyiaran negara itu.



Delegasi turut melaksanakan aktiviti promosi UUM di sekolah, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama komuniti Muslim serta aktiviti kemasyarakatan di beberapa lokasi termasuk Suphan Buri, Kanchanaburi dan Bangkok.

Selain itu, delegasi GO-THAI'26 akan mengadakan program bersama Thaksin University, Songkhla Campus sebagai sebahagian daripada usaha memperluas jaringan akademik dan hubungan antara pelajar kedua-dua negara.

Penganjuran GO-THAI'26 diharap dapat memperkukuhkan kompetensi komunikasi antara budaya, kepimpinan dan kemahiran profesional pelajar, di samping meningkatkan keterlihatan UUM melalui jaringan bersama institusi pendidikan, industri dan komuniti antarabangsa.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.